

Pandangan Ibnu Sahnun Terhadap Wakaf Bahan Pendidikan

[Ibn Sahnun's Views on The Endowment of Educational Materials]

Shahnun Binti Haji Musa¹, Nur Azwani Mansor@Noordin² & Norhidayah Mohd Husein³

¹ (Corresponding Author) Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, Email: shahnunmusa70@gmail.com

² Centre of Core Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, Email: azwani79@yahoo.com

³ Student Affair and Alumni Department, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, Email: norhidayah169@gmail.com

ABSTRACT

Ibnu Sahnun was a prominent figure in Islamic education during the 9th century AD in North Africa. He made a notable contribution to the understanding and application of waqf for educational purposes. Ibnu Sahnun highlighted the importance of continuous and free educational resources through waqf to foster a knowledgeable society and promote comprehensive development within Islamic communities. This article explores Ibnu Sahnun's views on the concept and principles of waqf in relation to education and the practices he advises to enhance access to quality schooling. By analysing his Kitab Adab al-Mu'allimin, this study seeks to deepen understanding of the role waqf plays in supporting the education system and proposes a practical approach to applying this concept in a contemporary setting.

Keywords: Ibn Sahnun; Endowment; Educational Materials; Knowledgeable Society

ABSTRAK

Ibnu Sahnun, seorang tokoh terkemuka dalam bidang pendidikan Islam pada abad ke-9 Masihi di Afrika Utara. Beliau memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pemahaman dan pelaksanaan wakaf untuk bahan pendidikan. Ibnu Sahnun menekankan pentingnya sumber pendidikan yang berterusan dan percuma melalui wakaf untuk membina masyarakat berilmu dan mencapai pembangunan yang menyeluruh dalam masyarakat Islam. Artikel ini mengkaji pandangan Ibnu Sahnun terhadap konsep dan prinsip-prinsip wakaf dalam konteks pendidikan dan amalan yang beliau cadangkan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti. Melalui analisis karya beliau *Kitab Adab al-Mu'allimin*, artikel ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan wakaf dalam menyokong sistem pendidikan dan menyarankan pendekatan praktikal untuk mengaplikasikan konsep ini dalam konteks moden.

Kata Kunci: Ibnu Sahnun; Wakaf; Bahan Pendidikan; Masyarakat Berilmu

How to Cite:

Received: 04-03-2025
Revised : 15-05-2025
Accepted: 15-05-2025
Published: 30-11-2025

Shahnun, M., Mansor@Noordin, N. A., & Mohd Husein, N. (2025). Pandangan Ibnu Sahnun Terhadap Wakaf Bahan Pendidikan. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(2), 1–10

1. Pendahuluan

Wakaf merupakan salah satu amalan kebajikan yang sangat dihargai dalam Islam, kerana peranannya yang signifikan dalam mempromosikan kesejahteraan sosial dan ekonomi umat. Wakaf tidak hanya menjadi medium untuk membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga mencerminkan konsep perpaduan dan keadilan sosial yang dianjurkan dalam Islam. Melalui amalan ini, setiap individu dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat tanpa mengira taraf ekonomi, menjadikannya salah satu instrumen utama untuk membangunkan komuniti yang lebih inklusif dan progresif.

Dari sudut bahasa, istilah wakaf berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud 'menahan' atau 'berhenti'. Pengertian ini menggambarkan tindakan menahan sesuatu aset daripada menjadi milik individu atau dijual untuk tujuan peribadi. Sebaliknya, aset tersebut digunakan untuk tujuan amal yang berpanjangan. Dalam istilah syariah, wakaf merujuk kepada tindakan seseorang yang menahan asetnya daripada dijual atau dipindah hak milik, dengan niat agar manfaat daripada aset tersebut dapat disalurkan secara berterusan kepada mereka yang memerlukan.

Konsep wakaf ini berasaskan kepada prinsip sedekah jariah, iaitu amalan kebaikan yang pahalanya terus mengalir kepada pewakaf selagi aset yang diwakafkan itu memberikan manfaat kepada masyarakat secara berterusan (Hussin, Z.- kifli, Zabidi, A. M., & Saad, S., 2025). Pahala sedekah jariah tidak terhenti dengan berlalunya masa, tetapi terus mengalir sepanjang tempoh aset tersebut kekal digunakan dan dimanfaatkan. Contohnya, wakaf tanah untuk pembinaan masjid, sekolah, atau hospital akan terus memberikan manfaat kepada masyarakat selama mana kemudahan tersebut beroperasi. Oleh itu, wakaf bukan hanya sekadar sumbangan kebajikan, tetapi menjadi pelaburan akhirat bagi pewakaf.

Tambahan lagi, wakaf mempunyai potensi besar dalam memajukan ekonomi umat Islam. Wakaf sering dianggap sebagai alat yang dapat mengurangkan ketidaksamaan sosial dan membantu meningkatkan taraf hidup golongan yang kurang bernasib baik. Sejarah Islam juga menunjukkan pelbagai contoh wakaf yang menjadi tulang belakang pembangunan tamadun manusia, seperti wakaf perpustakaan dan institusi pendidikan yang menyumbang kepada penyebaran ilmu dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh. Pendek kata, wakaf melangkaui sekadar amalan kebajikan; ia adalah refleksi komitmen individu terhadap keperluan dan kesejahteraan kolektif masyarakat (Al-Syarbini, 1997).

Pengertian ini memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana wakaf berfungsi sebagai instrumen untuk mengekalkan dan memperluaskan kebaikan serta keberkatan dalam komuniti. Melalui wakaf, masyarakat Islam bukan sahaja dapat memastikan kesinambungan pendidikan, kesihatan, dan kebajikan tetapi juga dapat membina asas ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan. Wakaf membantu memenuhi pelbagai keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan, kemudahan awam, dan pembasmian kemiskinan. Hal ini bukan sahaja dapat memperkasa individu atau keluarga, malah turut membangunkan institusi pendidikan, hospital, perpustakaan, dan lain-lain kemudahan yang memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat (Wan, 2012). Melalui pemberian wakaf, umat Islam digalakkan untuk menyumbang kepada pembangunan yang lebih luas dan menyeluruh. Dalam konteks moden, amalan wakaf semakin diperluas dan ia merangkumi aset-aset kontemporari seperti harta intelek dan teknologi, menjadikan wakaf sebagai instrumen yang sangat fleksibel dalam memenuhi keperluan semasa masyarakat (Syed, 2010).

Melihat dalam konteks pendidikan, wakaf memainkan peranan penting bagi menyediakan sumber dan peluang pendidikan yang berterusan kepada generasi muda. Oleh itu, memahami pandangan dan sumbangan tokoh-tokoh terkemuka seperti Ibnu Sahnun terhadap konsep wakaf adalah penting untuk mengaplikasikan prinsip ini secara efektif dalam kehidupan moden mutakhir ini.

2. Skop dan Metodologi Kajian atau Konsep Tajuk Kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis konsep wakaf bahan pengajaran dan pembelajaran menurut pandangan Ibnu Sahnun melalui karya pendidikan beliau, Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan kaedah kepustakaan melalui analisis kandungan. Data primer bagi kajian ini ialah Kitab *Adab al-Mu'allimin* yang telah diterbitkan pada tahun 2014 dengan pemurnian oleh Abi Abdullah Adil bin Abdullah Ali Hamdan dengan sokongan data-data daripada buku-buku, artikel, dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Kitab edisi Abi Abdullah dikemukakan berserta nas sebagaimana yang terkandung di dalam manuskrip, pemurnian perkataan yang tercicir, *takhrij* hadis dan *al-athar*, komentar beliau dan nukilan pandangan ulama salaf, pernyataan biodata perawi hadis dan penandaan ayat-ayat al-Quran dan hadis serta faedah *fiqhiah* (Abi Abdullah Adil, 2014). Manakala untuk membantu pemahaman teks tersebut, pengkaji juga merujuk kepada terjemahan kitab ini yang disusun oleh (Mohammad Syafiq, 2019). Namun untuk menulis semula teks ke dalam bahasa Melayu, pengkaji tidak bergantung sepenuhnya kepada terjemahan beliau.

3. Kajian Literatur

Sorotan terhadap kajian terdahulu tentang amalan dan pelaksanaan wakaf, khususnya dalam konteks pengurusan ekonomi, pendidikan dan sosial di Malaysia dilakukan bagi mendapatkan pemahaman jelas berkaitan amalan dan pelaksanaan wakaf di Malaysia. Menelusuri kajian tentang amalan wakaf di Malaysia yang telah dilakukan oleh beberapa penyelidik, mengupas pelbagai aspek dalam pelaksanaan dan impak wakaf terhadap pembangunan sosioekonomi umat Islam. Mohd Zaim (2015) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pelbagai jenis wakaf, terutama wakaf hartanah, berpotensi untuk memacu pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, beliau menekankan bahawa institusi wakaf masih belum berfungsi secara optimum disebabkan oleh beberapa halangan, termasuk tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat yang rendah dan kekangan dalam aspek pengurusan seluruhnya (Mohamad Zaim, Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, 2015). Mohd Zaim mencadangkan agar institusi wakaf diperkasa melalui pentadbiran yang efisien dan profesional. Beliau turut menyarankan pengenalan instrumen kewangan seperti bon dan saham wakaf, penambahbaikan konsep wakaf, penubuhan pentadbiran wakaf pusat serta peningkatan peranan wakaf dalam aspek pendidikan sebagai usaha untuk mempertingkatkan peranannya dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

Seterusnya kajian oleh Aulya et al. (2023), menyatakan wakaf sebagai satu bentuk muamalah yang tidak hanya berdimensikan ekonomi, tetapi juga mempunyai nilai kerohanian dan sosial yang mendalam. Mereka menegaskan bahawa wakaf selama ini sering dianggap sebagai hibah yang terhad kepada hartanah fizikal seperti tanah dan bangunan untuk tujuan ibadah dan pendidikan. Namun begitu, kajian ini mengembangkan perspektif mengenai wakaf dengan membahagikan jenis wakaf berdasarkan tujuan, had masa, barangan dan aspek pengurusan. Penyelidikan kualitatif mereka mengkaji prinsip pengurusan wakaf, model pengurusan yang berkesan serta fungsi pengurusan yang kritikal dalam memastikan aset wakaf berkembang dan memberi impak positif kepada masyarakat. Mereka juga menekankan profesionalisme dalam pengurusan wakaf, termasuk penyediaan penyata kewangan yang telus dan efektif, yang sangat penting untuk memastikan keberkesanan wakaf sebagai salah satu instrumen pembangunan ekonomi masyarakat Islam dalam era moden (Aulya, Rachma Damayanti, Silvia Aluf, Nazwa Abidin Yunus, 2023).

Manakala kajian Abdan (2019) pula memberi tumpuan kepada peranan wakaf dalam bidang pendidikan, menyatakan bahawa wakaf menjadi tunjang utama yang menyokong pelaksanaan pendidikan dalam kalangan umat Islam. Menurut beliau, kewujudan wakaf

menyediakan peluang kepada pelajar untuk mendapat pendidikan yang lebih baik, terutamanya bagi yang kurang berkemampuan, melalui penyediaan dana yang tetap dan stabil. Perkara ini sejajar dengan objektif utama pelaksanaan wakaf untuk menyokong pembangunan dalam aspek-aspek utama kehidupan umat Islam, termasuk pendidikan, agama, ekonomi, kesihatan dan keamanan. Wakaf juga dilihat sebagai satu cara untuk memperkukuhkan persaudaraan dan memupuk nilai-nilai kesetiakawanan sosial demi mencapai reda Allah SWT (Abdan, 2019).

Selanjutnya, kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2015) telah menjelaskan perkembangan wakaf pendidikan di Malaysia dan peranan wakaf dalam pembangunan ummah melalui pendidikan. Tumpuan diberikan kepada perkembangan institusi pendidikan yang menggunakan wakaf sebagai salah satu sumber dana pembangunan dan perkembangannya. Contoh wakaf pendidikan yang berjaya di beberapa negeri dalam Malaysia seperti Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Kedah dipetik untuk menggambarkan bahawa wakaf pendidikan telah diamalkan sebelum zaman kemerdekaan lagi sehingga masa kini. Antara bentuk harta yang selalu diwakafkan oleh orang Melayu dan tujuannya ialah tanah untuk didirikan surau, masjid, sekolah agama atau lebih dikenali sebagai pondok, tanah untuk kegunaan khairat kematian umat Islam, harta kekayaan lain seperti emas dan perak serta wang tunai, tanah sawah, kebun dan dusun yang mengeluarkan hasil dan digunakan untuk membiayai pembangunan surau, masjid, sekolah pondok dan lain-lain (Mokhtar, Ismail., Mohd Isa, M.D., Muna, S., Hairulfazli, M.S., 2015).

Secara keseluruhannya, kajian di atas memberikan gambaran yang luas mengenai peranan wakaf sebagai instrumen utama dalam pembangunan sosioekonomi dan pendidikan umat Islam. Kajian di atas menekankan kepentingan pengurusan wakaf yang efisien dan pemeraksanaan institusi wakaf melalui instrumen kewangan moden, peranan wakaf sebagai pemangkin utama dalam pendidikan serta bentuk-bentuk wakaf dalam pendidikan. Keseluruhan perspektif ini menyokong keperluan untuk memperkukuh institusi wakaf melalui pendekatan yang lebih strategik dan bersepadu, menjadikan wakaf sebagai asas yang kukuh dalam pendidikan dan pembangunan masyarakat Islam di Malaysia dan seluruh dunia. Justeru kajian seterusnya perlu memperincikan bentuk wakaf pendidikan yang berkaitan sumber dan bahan pendidikan.

4. Bahan Pendidikan

4.1 Definisi dan Kepentingan Bahan pendidikan

Bahan pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia bertindak sebagai medium utama yang menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Dalam konteks pendidikan, bahan pendidikan merujuk kepada semua jenis sumber dan alat yang digunakan oleh guru atau pendidik untuk menyampaikan kandungan pelajaran dengan cara yang lebih berkesan, menarik dan mudah difahami oleh pelajar.

Bahan pendidikan adalah merujuk kepada bahan pengajaran dan pembelajaran. Salah satu komponen yang perlu ada dan perkara yang perlu diteliti oleh para guru dan pendidik dalam konteks pengajaran dan pembelajaran adalah bahan atau sumber yang digunakan. Bahan pengajaran akan menjadi material yang perlu dikuasai oleh pelajar serta menjadi dorongan kepada penguasaan pembelajaran mereka (Asep, H., Dra Permasih, Laksmi Dewi, 2012). Pemilihan dan penyediaan bahan pendidikan merupakan antara faktor yang mempengaruhi kualiti pendidikan selain daripada pelaksanaan kurikulum.

Menjadi satu kepentingan kepada institusi pendidikan untuk memastikan para pelajar mempunyai bahan dan sumber pendidikan yang bersesuaian dan terkini bagi memenuhi tuntutan pengajaran dan pembelajaran mereka (Halawa, A., Mulyanti, D., 2023). Salah satu kepentingan utama bahan pendidikan ialah keupayaan bahan tersebut membantu guru untuk

menyampaikan pelajaran dengan lebih sistematis dan efisien. Dengan bahan yang sesuai, guru dapat menerangkan topik-topik sukar dengan menggunakan pendekatan visual, praktikal atau simulasi yang memudahkan pelajar memahami. Contohnya dalam subjek sains, bahan eksperimen seperti mikroskop dan model molekul memberikan pengalaman langsung kepada pelajar untuk melihat dan memahami konsep abstrak.

Bahan pendidikan juga memainkan peranan sebagai alat motivasi bagi pelajar. Bahan yang menarik, seperti video animasi atau perisian interaktif, boleh meningkatkan minat pelajar terhadap sesuatu subjek. Apabila pelajar berminat, mereka lebih terdorong untuk belajar dengan bersungguh-sungguh, yang akhirnya meningkatkan penguasaan mereka dalam pembelajaran. Selain itu, bahan pendidikan yang berkualiti menyumbang kepada pembelajaran berpusatkan pelajar.

Secara umumnya, bahan pendidikan boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu, bahan cetakan dan bahan elektronik. Bahan cetakan meliputi buku teks, buku rujukan, kertas edaran, modul dan bahan eksperimen. Bahan ini sering digunakan dalam bilik darjah kerana mudah diperolehi dan memberikan kandungan yang komprehensif bersesuaian dengan kurikulum. Sebagai contoh, buku teks menjadi panduan utama untuk pelajar mempelajari topik-topik tertentu dalam mata pelajaran.

Manakala bahan elektronik pula termasuklah interaktif cakera padat, video, audio, radio, televisyen dan perisian pendidikan. Dengan perkembangan teknologi yang pesat, bahan-bahan elektronik semakin popular dalam sistem pendidikan kerana menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan imersif. Sebagai contoh, video pembelajaran dapat memberikan visualisasi yang jelas tentang konsep yang kompleks dan sukar difahami, manakala perisian interaktif membolehkan pelajar melibatkan diri secara langsung dalam proses pembelajaran.

4.2 Cabaran dalam Penyediaan Bahan Pendidikan

Terdapat pelbagai cabaran dalam penyediaan bahan pendidikan. Antaranya ialah memerlukan kos yang tinggi untuk menyediakan bahan elektronik yang berkualiti, kekangan teknologi di sesetengah kawasan pedalaman, dan keperluan untuk memastikan kandungan bahan sentiasa relevan dan bersesuaian dengan perkembangan semasa. Untuk mengatasi cabaran ini, institusi pendidikan perlu melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak, seperti kerajaan, syarikat teknologi dan organisasi bukan kerajaan, untuk menyediakan bahan pendidikan yang bersesuaian dan mampu dicapai dan digunakan secara bersama.

5. Wakaf Bahan Pendidikan Menurut Pandangan Ibnu Sahnun

5.1 Biodata Ibnu Sahnun

Muhammad bin Abdul Salam bin Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al-Tanukhi, yang lebih dikenali dengan gelaran Ibnu Sahnun adalah salah seorang ulama terkemuka dalam sejarah Islam ('Iyadh, 1983). Nama beliau yang lebih umum, Ibnu Sahnun, merujuk kepada gelaran bapanya, Abdul Salam Sahnun, yang juga seorang tokoh tersohor (Abi Abdullah Adil, 2014). Ibnu Sahnun dilahirkan di Qairawan, sebuah kota penting dalam sejarah Islam yang terletak di Tunisia pada tahun 202 H bersamaan dengan 817 M (Al-Dibagh, 1968) dan beliau meninggal dunia pada tahun 256 H bersamaan dengan 870 M ketika berusia 54 tahun. Qairawan, pada masa itu, merupakan pusat intelektual dan keilmuan yang melahirkan ramai tokoh penting dalam dunia Islam.

Ibnu Sahnun dikenali sebagai seorang ulama yang berpegang kepada mazhab Maliki, sebuah mazhab yang mempunyai pengaruh besar terutamanya di Afrika Utara. Kepakaran

beliau dalam bidang perundangan Islam menjadikan beliau sebagai salah seorang ahli perundangan yang dihormati, dan karya-karyanya terus menjadi rujukan penting dalam kajian fiqh dan pendidikan Islam. Pengaruh beliau dalam bidang ini telah meninggalkan kesan mendalam terhadap perkembangan sistem pendidikan dan perundangan Islam, khususnya di Afrika Utara- (Al-Maliki, 1994).

Ibnu Sahnun terkenal dengan ketokohnya dalam pelbagai bidang keilmuan. Antara disiplin ilmu yang beliau kuasai adalah hadis, fiqh, akidah, ilmu kalam, pendidikan, pengajaran halaqat, dan perdebatan. Kemampuan beliau untuk menguasai pelbagai bidang menunjukkan kecemerlangan kecendekiaan serta kebolehannya untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada umat Islam. Dalam bidang hadis, beliau dianggap sebagai seorang pakar yang bukan sahaja menghafal dan memahami hadis, tetapi juga berupaya menganalisisnya dalam konteks praktikal. Dalam fiqh pula, beliau terkenal dengan pandangan-pandangan yang berasaskan kepada prinsip-prinsip mazhab Maliki (Soyyud, 2015). Pendekatan beliau terhadap ilmu kalam menunjukkan kedalaman ilmu dan kekuatan kecendekiaan dalam memahami dan menyampaikan konsep-konsep akidah kepada masyarakat, baik untuk ilmuwan, para pembesar dan orang ramai (Abu Bakar Abdullah, 1994; Abu al-Arab, t.th).

Sebagai seorang pendidik, Ibnu Sahnun juga memberikan sumbangan yang besar kepada amalan pendidikan Islam. Beliau terlibat secara aktif dalam pengajaran halaqat, iaitu sesi pembelajaran yang diadakan di masjid dan tempat-tempat awam, yang menjadi medium utama untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat pada zaman tersebut (Nurhayati, 2015). Sesi-sesi halaqat yang beliau kendalikan terkenal dengan pendekatan yang sistematik, interaktif dan berpusatkan pelajar. Hal ini membuktikan kebijaksanaan beliau dalam memahami keperluan masyarakat dan menyediakan kaedah pembelajaran yang relevan dengan zaman tersebut. Manakala dalam perdebatan pula, Ibnu Sahnun sering berusaha untuk mempromosikan budaya ilmiah yang berkualiti melalui dialog yang mendalam dan berdasarkan fakta. Beliau percaya bahawa pendidikan bukan sahaja harus bertujuan untuk menyampaikan ilmu, tetapi juga untuk membentuk akhlak dan karakter individu sebagai khalifah di muka bumi (Sodiqi, 2019).

Selain menjadi seorang pendidik, Ibnu Sahnun juga merupakan seorang penulis prolific yang telah menghasilkan puluhan karya penulisan. Karya-karya beliau meliputi pelbagai topik, termasuk perundangan, pendidikan, akidah dan amalan keagamaan. Penulisan beliau bukan sahaja menjadi bahan rujukan yang penting pada zamannya, tetapi juga terus digunakan dalam kajian moden untuk memahami sumbangan beliau kepada pembangunan teori perundangan Islam dan amalan pendidikan. Antara karya beliau yang terkenal adalah panduan praktikal tentang pendidikan, di mana beliau menekankan kepentingan adab, etika dan pendekatan yang sesuai dan praktikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Shahnun, H. M. & Burhan, C. D., 2023).

Pencapaian Ibnu Sahnun dalam pembangunan teori perundangan Islam tidak dapat disangkal lagi. Beliau dianggap sebagai seorang tokoh penting yang membantu membentuk dasar-dasar perundangan yang lebih sistematik dan relevan dengan keperluan masyarakat (Najadat, 2018). Ketokohan beliau sebagai seorang ulama, pendidik dan penulis mencerminkan keunggulan intelektual umat Islam pada zaman tersebut. Dengan dedikasi beliau kepada ilmu dan pendidikan, Ibnu Sahnun telah memperkukuhkan asas-asas penting dalam pembentukan masyarakat Islam yang maju dan beradab (Shahnun, H.M. & Burhan, C.D., 2024).

5.2 *Pemikiran Pendidikan Ibnu Sahnun*

Ibnu Sahnun telah menulis sebuah buku berkaitan pendidikan kanak-kanak di *kuttab* yang diberi nama Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Kitab ini merupakan catatan perbincangan beliau

dengan bapanya Imam Sahnun telah menjadi panduan pendidikan bertulis yang pertama dalam sejarah pendidikan Islam (Usairi, 2021). Kitab *Adab al-Mu'allimin* ini mengandungi sepuluh fasal yang terdiri daripada 145 perkara (Abi Abdullah Adil, 2014). Kandungannya dirumuskan sebagai berkaitan dengan pengurusan sekolah, pengurusan guru dan profesionalisme keguruan, pengurusan murid, pengurusan kurikulum dan pedagogi, pengurusan sumber pengajaran, hubungan sekolah dengan ibu bapa dan hubungan sekolah dengan masyarakat. Keseluruhan perkara ini diberi perhatian oleh Ibnu Sahnun berdasarkan prinsip *fihiyyah* dalam usaha membentuk sistem pendidikan yang komprehensif untuk mendidik kanak-kanak secara holistik dan sepadu. Tujuan utama pendidikan beliau adalah untuk melahirkan individu sebagai ahlu al-Quran yang berilmu pengetahuan, beramal dengan ilmu serta mempunyai kemahiran asas dalam kehidupan melalui pendidikan al-Quran dan berteraskan pendidikan kerohanian (Shahnun, 2024).

5.3 Pandangan Ibnu Sahnun Berkaitan Wakaf Bahan Pendidikan

Perbincangan Ibnu Sahnun terhadap proses dan pelaksanaan pendidikan meliputi pelbagai aspek termasuklah pengurusan sumber pengajaran dan pembelajaran yang dibincangkan secara khusus dalam Fasal Kesepuluh di dalam kitab *Adab al-Mu'allimin*.

Petikan berkaitan catatan perbincangan beliau di dalam kitab tersebut adalah sebagaimana berikut:

Jadual 1: Petikan Berkaitan Sewaan dan Jual Beli Mushaf dan Kitab Fiqah				
Bil	Fasal	Perkara	Petikan	Muka surat
1	10	127	Sahnun berkata, daku bertanya kepada Ibn al-Qasim, "Bagaimana pendapatmu tentang mushaf, adakah boleh disewakan untuk dibaca?" Beliau menjawab: "Tak mengapa."	159
2	10	128	Kerana Imam Malik berkata; "tidak mengapa menjualnya"	160
3	19	129	Ibnu Wahb, daripada Ibnu Lahi'ah, Yahya bin Ayyub daripada Umarah bin Guazyah, daripada Rabi'ah katanya; "tidak mengapa menjual mushaf, kerana yang dijual adalah dakwat, kertas dan pekerjaannya (upahnya)"	160
4	10	130	Ibnu Wahb daripada Abdul Jabbar bin Umar; bahawa Ibnu Musabbah pada ketika itu menulis mushaf dan menjualnya. Daku (Ibnu Wahb) kira beliau (Abdul Jabbar) mengatakan: pada zaman Uthman bin Affan RA, tidak ada siapa pun mengingkari (perbuatannya) itu. Beliau (Abdul Jabbar) berkata; kami tidak melihat sesiapa pun di Madinah mengingkarinya. Beliau (Abdul Jabbar) berkata; "Semua mereka tidak melihat sebarang masalah pada demikian (menjual mushaf) itu"	160
5	10	134	Ibnu Sahnun berkata; saya tidak melihat halangan dalam menyewakan kitab fiqah apabila diketahui siapa yang menyewa dan membelinya.	162

Sumber Kitab *Adab al-Mu'allimin* (2014)

Berdasarkan petikan di dalam Jadual 1 di atas, perbincangan mengenai keharusan menjual dan memberi sewa mushaf al-Quran untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Mushaf sangat perlu dimiliki oleh para pelajar sebagai kitab utama kerana selain daripada kitab suci bagi umat Islam, al-Quran juga menjadi bahan pembelajaran utama kepada pelajar di *kuttab* memandangkan mata pelajaran wajib ialah pembelajaran al-Quran. Bagi mana-mana pelajar yang tidak mampu membeli mushaf al-Quran, mereka boleh menyewa untuk kegunaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Begitu juga halnya dengan kitab-kitab lain termasuk kitab fiqah dengan syarat pembeli atau penyewa boleh dikenal pasti dan dengan tujuan untuk memanfaatkan kandungannya. Kitab-kitab tersebut boleh diberi sewa atau

dijual untuk dijadikan sebagai buku teks atau buku rujukan kepada para pelajar. Bayaran yang dikenakan adalah untuk kos upah penulisan dan penyusunan serta percetakan mushaf dan kitab-kitab tersebut, bukannya penjualan kandungannya terutama al-Quran.

6. Perbincangan

Pandangan Ibnu Sahnun berkaitan keharusan menjual, membeli dan menyewakan mushaf al-Quran dan kitab-kitab ilmiah adalah untuk tujuan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar. Juga bertujuan mendapatkan manfaat ilmiah yang terkandung di dalam kitab tersebut sebagai panduan dan rujukan pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan Ibnu Sahnun memperlihatkan bahawa menjadi kepentingan dan kewajiban institusi pendidikan untuk memastikan pemilihan buku teks yang bersesuaian sebagai material pengajaran dan pembelajaran kepada para pelajar ini selari dengan pandangan Asep dan rakan-Rakan (2012). Ketiadaan buku teks dan buku rujukan boleh mengurangkan dan menjejaskan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran. Pandangan ini selari dengan pendapat Halawa (2023), yang mana pemilihan dan penyediaan bahan pendidikan merupakan faktor penting yang mempengaruhi kualiti pendidikan selain dalam menyokong pelaksanaan kurikulum.

Tidak terdapat pernyataan dan perbincangan khusus berkaitan wakaf bahan pengajaran dan pembelajaran dan sumber pendidikan oleh Ibnu Sahnun dalam karya *Adab al-Mu'allimin*. Namun begitu, penekanan terhadap pengurusan pengajaran dan pembelajaran pelajar termasuk pandangan keharusan menjual, membeli dan menyewa mushaf al-Quran dan kitab-kitab ilmiah berasaskan kegunaan dan kelestarian manfaat kandungannya, boleh dikembangkan sebagai usaha mewakafkan bahan tersebut. Pihak tertentu boleh membeli dan mewakafkan bahan tersebut kepada pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan untuk membeli atau menyewa. Relevansi konsep ini dalam konteks moden, khususnya dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan melalui penyediaan bahan pendidikan yang berasaskan wakaf, seperti perpustakaan awam, pembiayaan biasiswa dan pembinaan pusat pengajian. Kewujudan wakaf tersebut menyediakan peluang kepada pelajar untuk mendapat pendidikan yang lebih baik, terutamanya bagi yang kurang berkemampuan. Pandangan ini selari dengan pendapat Abdan (2019). Begitu juga dengan pandangan Hussin, Z.-kifli, Zabidi, A. M., & Saad, S., (2025) bahawa wakaf berasaskan kepada prinsip sedekah jariah, berpahala kepada pewakaf selagi aset yang diwakafkan itu bermanfaat kepada pengguna.

Justeru wakaf pendidikan perlu diberi perhatian dengan perspektif yang lebih luas, bukan hanya tertumpu kepada wakaf dalam bentuk harta, aset dan hartanah untuk tujuan pembinaan bangunan sebagai pusat pendidikan sebagai amalan wakaf pendidikan yang digemari di Malaysia (Mokhtar et al., 2015). Bahkan wakaf pendidikan juga dalam penyediaan bahan-bahan pendidikan yang diperlukan sama ada dalam bentuk bercetak mahu pun elektronik dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam secara berkualiti selari dengan perkembangan dunia semasa. Oleh itu, menjelaskan kepelbagaian bentuk wakaf dan meningkatkan peranan wakaf bukan sahaja sebagai instrumen pembangunan ekonomi, bahkan juga sebagai faktor pembangunan sosial masyarakat melalui pendidikan berkualiti dan efisien. Pandangan ini selari dengan pendapat Aulya et al. (2023).

7. Kesimpulan

Artikel ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan wakaf dalam pendidikan Islam serta memberi inspirasi kepada inisiatif pendidikan berasaskan wakaf dalam era kini. Pandangan Ibnu Sahnun mengenai wakaf bahan pendidikan memperlihatkan kepentingan sistem wakaf sebagai landasan kukuh untuk pembinaan masyarakat berilmu, yang mana nilai tersebut terus relevan dalam struktur pendidikan hari ini.

Hasil penelitian pandangan Ibnu Sahnun tentang peranan dan manfaat wakaf bahan pendidikan seperti kitab, alat pengajaran dan prasarana pendidikan, yang dianggap sebagai aset wakaf penting bagi menyokong sistem pendidikan. Analisis dilakukan terhadap karya utama Ibnu Sahnun serta prinsip-prinsip pendidikan yang beliau kemukakan, menunjukkan konsep wakaf bahan pendidikan berfungsi untuk meningkatkan kesaksamaan dalam akses ilmu dan menyebarkan ilmu pengetahuan secara berterusan dalam kalangan umat Islam dalam usaha membina masyarakat Islam yang berilmu dan beradab.

Rujukan

- Abdan, R. (2019). Peran Wakaf Terhadap Pengembangan Pendidikan Islam. *Al-Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 89-102.
- Abi Abdullah Adil, B. A. (2014). *Kitab Adab al-Mu'allimin*. Beirut: Darul Lu'Lu'Liltiba'ah wal Nashr.
- Abu al-Arab, a.-T. a.-M.-A. (t.th). *Tabaqat 'Ulama Ifriqiah wa Tunisiyah*. Beirut: Darul Kitab al-Lubnani.
- Abu Bakar Abdullah, b. M.-M. (1994). *Riyadhul Nufus Fi Tabadat Ulama' al-Qairawan wa Ifriqiah*. Beirut: Dar al-Arab al-Islami.
- Al-Aqil, A. b. (2014). *Al-Tarbiyah al-Islamiyah; Mafhumuha, Khasaisuha, Masodiruha, Usuluha, Tatbiqotuha, Murabbuha*. Beirut: Maktabah al-Rusht.
- Al-Dibagh, A. Z.-A. (1968). *Ma'alim al-Iman fi Makrifati Ahlil Qairawan*.
- Al-Hijazi, A. R. (1986). *Al-Mazhab al-Tarbawi Inda Ibnu Sahnun, Raid al-Ta'lif al-Tarbawi al-Islami*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Al-Hijazi, A. R. (2008). *Al-tarbiyah al-Islamiyah Baina al-Asolah wal Hadasah*. Beirut: Maktabah al-'Asriyah.
- Al-Maliki, A. B. (1994). *Riyadhun Nufus fi Tabaqati Ulama' al-Qairawan wal Afriqiah*. Beirut: Dar al-Arabi al-Islami.
- Al-Rasyidi, F. S. (2012). *Al-Nusuq al-Tarbawi 'Inda Ibnu Sahnun wal Qabisi Baina al-Asolah wal Mu'asoroh*. Libya: Darul Kutub .
- Al-Syarbini, M. I.-K. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila al-Ma'rifat al-Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Arifin, Y. (2018). *Pemikiran-Pemikiran Emas Para Tokoh Pendidikan Islam*. Krebangan: Ircisod.
- Asep, H., Dra Permasih, Laksmi Dewi. (2012). Pengembangan Bahan Ajar. *Imsspada*.
- Aulya, Rachma Damayanti, Silvia Aluf, Nazwa Abidin Yunus. (2023). Konsep Wakaf dalam Ilmu Manajemen. *Journal of Creative Student Research*, 1-21.
- Ghuddah, A. F. (2015). *Qimatul Zaman "Inda al-Ulama*. Riyadh: Maktabah al-Matubu' al-Islamiyah.
- Halawa, A., Mulyanti, D. (2023). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Peningkatan Kualitas Mutu Instansi Pendidikan dan Pembelajaran. *Jurnal Riset Pendidikan dan Bahasa*, 1-10.
- Hamdan, A. A. (2009). *Al-Jami' Fi Kitab Adabul Mu'allimin*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wathaniah.
- Hussin, Z.- kifli, Zabidi, A. M., & Saad, S. (2025). Wakaf Basyari Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) Indonesia: Potensi dan Halangan Pelaksanaannya di Malaysia. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 94-115.
- Iyadh, b. M.-S. (1983). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalaik li Makkarifati A'alam Mazhab Malik*. Morocco: Wizarah al-Auqaf wal Syu'un.
- Makhluaf, M. b. (1931). *Syajaratul Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikiah*. Kaherah: Al-Matb'ah al-Salafiah.
- Mohamad Zaim, Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli. (2015). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan e-Journal of Mualamat and Society*, 1-13.
- Mohammad Syafiq, B. (2019). *Adab Para Guru*. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Moktar, Ismail., Mohd Isa, M.D., Muna, S., Hairulfazli, M.S. (2015). Perkembangan Wakaf Pendidikan di Malaysia. *International Conference of waqf* (pp. 364-377). Kuala Terengganu: UNISZA.
- Najadat, I. (2018). Disrash Muqaranah; Al-Fikru al-Tarbawi 'Inda Ibnu Sahnun wa al-Qabisi. *Majallah al-Buhus al-Tarbawiyah wa al-Nafsiyah*.
- Nasrul Fahmi, Z. F. (2018). Wakaf Sebagai Instrumen Ekonomi Pembangunan Islam. *Economica: Jurnal Ekonomi Islam*, 151-177.
- Nurhayati. (2015). Ppemikiran Ibnu Sahnun dalam perspektif Pendidikan Islam. *Jurnal Studi Penulisan Riset dan Pengembangan Pendidikan Islam*, 42-50.
- Shahnun, H. (2024). *Pemikiran Pembangunan Insaniah Kanak-Kanak Mengikut Ibnu Sahnun (m.785M) Dalam Karya Adab al-Mua'llimin*. Bachok: UMK.
- Shahnun, H. M. & Burhan, C. D. (2023). Biografi Ibnu Sahnun: Ulama Pendidikan Kanak-Kanak. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 127-141.
- Shahnun, H.M. & Burhan, C.D. (2024). Kompas Pendidikan Karakter Mengikut Perspektif Ibnu Sahnun (m.857M). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 47-60.

- Sodiqi, M. (2019, Mei 19). *Manar Al-Islam*. Retrieved from Manar Al-Islam: <https://www.islamanar.com/-ملاح-المدرسة-السحنونية-في-التربية-وا>
- Soyyud, H. (2015). Min Muhammad ibnu Sahnun wa Abi al-Hasan al-Qabisi ila Ibnu Khaldun; Al-Fikru al-Tarbawi bi Bilad al-Arab. *Majallah 'Usur al-Jadidah* 2015.
- Suradi, M. A. (2012). *Biografi Ulama Pendidikan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Syed, M. G. (2010). Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia. *Seventh International Conference - The Tawhidi Epistimology: Zakat and Waqf Economy* (p. 1). Bangi: UKM.
- Usairi, A. (2021). Adab al-Mu'allimin fi Dhau'i Kitabat Ibnu Sahnun wa al-Qabisi wa tatbiquha al-Tarbawiyah fi Midan al-Madrasah. *Majallah Ilmiah Muhkamah lili Buhus al-Tarbawiyah wal al-Nafsiah wal-Ijtima'iyah*.
- Wan, W. M. (2012). *Wakaf dan Kepentingannya Kepada Umat Islam*. Kuala Lumpur: Bank Muamalat.